

**PEPERIKSAAN AKHIR****KURSUS : ETIKA PERNIAGAAN ISLAM****KOD KURSUS : PIB3013****TEMPOH : 02 JAM****ARAHAN KEPADA CALON PEPERIKSAAN:**

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian : BAHAGIAN A (20 soalan)
: BAHAGIAN B (04 soalan)
2. Jawab SEMUA soalan dari BAHAGIAN A dan BAHAGIAN B.
 - i. Jawab SEMUA BAHAGIAN dalam Buku Jawapan yang disediakan.
3. Sila pastikan set peperiksaan ini mengandungi :
 - i. Kertas Peperiksaan
 - ii. Buku Jawapan
4. TIDAK DIBENARKAN membawa sebarang bahan ke dalam dewan peperiksaan kecuali mendapat kebenaran daripada pengawas peperiksaan.
5. Tulis jawapan anda dengan menggunakan pen mata bulat (*ball-point pen*).

NO. MYKAD : _____
NO. ID : _____
PENSYARAH : _____
SEKSYEN : _____

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU

Kertas soalan ini mengandungi 06 muka surat bercetak

OKT2024/B/PIB3013

BAHAGIAN A: SOALAN ANEKA PILIHAN*Jawab SEMUA soalan.*1. **(1 point)**

Malik RA berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda: 'Solatlah kamu sebagaimana kamu melihat aku solat'. (Al-Bukhari)

Berdasarkan hadis di atas, aspek hadis adalah bersandarkan kepada _____ Rasulullah SAW.

- A. percakapan
- B. pengakuan atau persetujuan
- C. perbuatan
- D. sifat

2. **(1 point)**

Manakah antara berikut merupakan maksud *qara'a*?

- A. Menulis
- B. Mentafsir
- C. Membaca
- D. Mentelaah

3. **(1 point)**

Menetapkan hukum yang telah ada pada masa lalu hingga ada dalil atau bukti yang mengubahnya disebut _____.

- A. *'Uruf*
- B. *Istihsan*
- C. *Istishab*
- D. *Masalih al-Mursalah*

4. **(1 point)**

Seorang Muslim yang sentiasa berpuasa pada hari Isnin dan Khamis telah menjalankan ibadah _____.

- A. yang diwajibkan
- B. yang disunatkan
- C. yang diharuskan
- D. yang dimakruhkan

5. **(1 point)**
Kerajaan mengeluarkan lesen memandu kereta untuk melahirkan pemandu yang mahir serta mengetahui peraturan jalan raya adalah contoh penggunaan _____.
- A. *masalih al-mursalah*
 - B. *ihthihsan*
 - C. *qiyas*
 - D. *'uruf*
6. **(1 point)**
_____ ialah kemaslahatan yang melibatkan pemeliharaan lima perkara iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Kesemua kepentingan ini dapat dianggap sebagai keperluan asasi yang diperlukan oleh setiap manusia.
- A. *Hajiyyah*
 - B. *Tazkiyyah*
 - C. *Daruriyyah*
 - D. *Tahsiniyyah*
7. **(1 point)**
Apakah prinsip dalam etika perniagaan Islam tentang pemasaran produk?
- A. Keadilan dan kesaksamaan
 - B. Kebebasan penuh tanpa sekatan
 - C. Penggunaan iklan yang memaksa
 - D. Mengaut keuntungan yang banyak
8. **(1 point)**
Manakah antara berikut **BUKAN** konsep '*place*' dalam pemasaran Islam?
- A. Tiada kelewatan
 - B. Membebaskan pelanggan
 - C. Tidak membahayakan orang lain
 - D. Mengelakkan tempat yang mencurigakan
9. **(1 point)**
_____ adalah menukar kualiti dan kuantiti produk tanpa menukar harga.
- A. *Tatfif*
 - B. *Khiyar*
 - C. *Maisir*
 - D. *Iktinaz*

10. **(1 point)**
Apakah yang dimaksudkan dengan *hablumminannas*?
- A. Hubungan dengan alam
 - B. Hubungan dengan Allah
 - C. Hubungan dengan dunia
 - D. Hubungan sesama manusia
11. **(1 point)**
Berikut merupakan sikap yang perlu ada pada seorang pekerja **KECUALI** _____.
- A. sentiasa sihat
 - B. menjaga amanah
 - C. suka mengampu
 - D. bertanggungjawab
12. **(1 point)**
Apakah bentuk perbelanjaan yang tidak dibenarkan dalam Islam?
- A. Berbelanja dengan keluarga
 - B. Memenuhi keperluan yang wajib
 - C. Melakukan pembaziran dan boros
 - D. Perbelanjaan yang diperlukan untuk perniagaan
13. **(1 point)**
Berapakah kadar zakat perniagaan?
- A. 1.5%
 - B. 15%
 - C. 2.5%
 - D. 25%
14. **(1 point)**
Apakah kaedah kiraan zakat perniagaan bagi perniagaan yang tiada penyata kewangan seperti peniaga gerai makanan?
- A. modal kerja
 - B. modal berkembang
 - C. modal sampingan
 - D. untung rugi

15. **(1 point)**
Berikut merupakan syarat wajib zakat perniagaan **KECUALI** _____.
- A. muslim
 - B. sempurna milik
 - C. baligh
 - D. cukup nisab
16. **(1 point)**
Manakah antara berikut merupakan asnaf yang layak menerima zakat?
- A. Peniaga kecil-kecilan
 - B. Orang tua
 - C. Ibu tunggal
 - D. Amil
17. **(1 point)**
Berikut adalah risiko pinjaman menurut Islam **KECUALI** _____.
- A. ianya tidak boleh dijual beli
 - B. ianya bukan barang dagangan
 - C. ianya tidak boleh dikenakan bayaran sewa
 - D. risiko adalah keuntungan yang diperoleh
18. **(1 point)**
Apakah tujuan utama pengiklanan dalam etika perniagaan Islam?
- A. Menarik pelanggan.
 - B. Mencipta produk baru.
 - C. Mengurangkan persaingan.
 - D. Meningkatkan kos perniagaan.
19. **(1 point)**
Apakah hukum menjual barangan tiruan tanpa keizinan pemiliknya?
- A. Sah.
 - B. Harus.
 - C. Haram.
 - D. Makruh.
20. **(1 point)**
Manakah antara berikut **BUKAN** perniagaan yang melanggar etika Islam?
- A. Akim sering menipu timbangan di dalam perniagaannya.
 - B. Zaf memuatnaik video promosi perniagaannya di aplikasi TikTok.
 - C. Ameena berniat untuk menjalankan perniagaan barangan palsu di Shopee.
 - D. Ali memaksa pekerjaanya untuk tidak mengeluarkan barangan runcit dikedainya.

BAHAGIAN B: SOALAN STRUKTUR

Jawab SEMUA soalan.

1. **(14 points)**
 - a) Berikan **DUA (2)** jenis *istihsan* beserta contoh. (4 points)
 - b) Jelaskan **TIGA (3)** rukun *qiyas*. (6 points)
 - c) Bincangkan **DUA (2)** contoh kaedah 'adat menjadi hukum.' (4 points)

2. **(14 points)**
 - a) Huraikan **TIGA (3)** cabaran dalam penghasilan produk menurut etika perniagaan Islam. (6 points)
 - b) Jelaskan **DUA (2)** kaedah promosi menurut konsep pemasaran Islam. (4 points)
 - c) Terangkan **DUA (2)** kriteria pengeluaran produk secara beretika dalam penghasilan produk Islam. (4 points)

3. **(6 points)**
 - a) Jelaskan perbezaan antara zakat fitrah dan zakat perniagaan. (4 points)
 - b) Terangkan maksud cukup haul yang terdapat di dalam syarat wajib zakat perniagaan. (2 points)

4. **(6 points)**
 - a) Huraikan maksud tentang kadar faedah dalam perniagaan. (2 points)
 - b) Terangkan **DUA (2)** kesan riba pada ekonomi negara. (4 points)

KERTAS SOALAN TAMAT